



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 11 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN



PENJAGA kedai mengeluarkan minyak bersubsidi semasa Penguin Kuasa KPDN Melaka melakukan serbuan di sebuah kedai runcit haram 'perkampungan' Bangladesh dalam pusat pelancongan ketika operasi di Alor Gajah, Melaka, malam kelmarin. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

Kedai runcit 'haram' warga asing diserbu

Oleh MUHAMMAD
SHAHIZAM TAZALI
utusannews@mediamalaya.com.my

ALOR GAJAH: Sebuah kedai runcit haram yang beroperasi di kawasan pedalaman perkampungan warga asing di sini sejak lima tahun lalu diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Melaka, malam semalam.

Pengarah KPDN Melaka, Norena Jaafar berkata, seorang warga Bangladesh berusia 36 tahun ditahan dan mengaku menjual pelbagai barang kawalan termasuk minyak masak, gula dan tepung.

Kata beliau, siasatan lanjut mendapati kedai runcit yang terletak kira-kira lima kilometer

dari laluan utama sebuah resort itu menjual barang pada harga dua kali ganda lebih tinggi berbanding pasaran luar.

"Mereka dikesan menjual barang kawalan tanpa lesen dan permit sama ada daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau KPDN. Bekalan diperoleh dari pihak luar dan melalui perkhidmatan e-hailing."

"Harga yang dijual pula jauh lebih mahal iaitu RM5 untuk minyak masak peket satu kilogram (kg) berbanding RM2.50 manakala tepung gandum pula berharga RM3.50, sedangkan harga kawalan RM2.85 sepeket bagi berat satu kg."

"Barangan runcit tersebut disediakan bagi pasaran lebih 50

pekerja asing warga Bangladesh yang menetap di asrama berhampiran resort berkenaan," katanya ketika ditemui pemberita selepas tamat operasi malam semalam.

Mengulas lanjut Norena memberitahu, pihaknya sedang mengesahkan pembekal tidak bertanggungjawab yang terlibat dalam kegiatan tersebut untuk dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Menurutnya, pembekal disyaki adalah pihak luar yang berada berdekatan dengan Melaka.

"Kita akan mengambil tindakan sekeras-kerasnya kepada mereka yang terlibat kerana kesalahan ini secara tidak langsung menjadikan bekalan pasaran untuk rakyat tempatan," katanya.

KPDN serbu kedai runcit haram dijaga lelaki Bangladesh tawar barang kawalan

'Tiada permit, jual pula cekik darah'

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

ALOR GAJAH — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) negeri menyerbu kedai runcit haram di sebuah kawasan perkampungan warga asing yang terletak kira-kira lima kilometer dari laluan utama sebuah resort, di sini kelmarin.

Dalam risikan selama limajam sehingga pulak 8 malam itu, seorang penjaga kedai runcit warga Bangladesh berusia 36 tahun ditahan dan dia mengakui telah menjual pelbagai barang kawalan termasuk minyak masak, gula dan tepung.

Pengarah KPDN negeri, Norena Jaafar berkata, siasatan lanjut mendapati, kedai runcit itu telah beroperasi sejak lima tahun lalu dengan barang dijual pada harga hampir dua kali ganda lebih mahal berbanding pasaran luar.

"Mereka ini dikesan menjual barang kawalan tanpa lesen dan permit sama ada daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau KPDN, malah bekalan turut *diperolehi daripada pembekal



SEORANG lelaki Bangladesh yang menjual barang kawalan tanpa lesen dan permit sah di sebuah kedai runcit di Alor Gajah kelmarin.

luar serta melalui perkhidmatan e-hailing.

"Harga yang dijual pula jauh lebih mahal iaitu minyak masak paket RMS berbanding RM2.50 dan tepung gandum RM3.50, sedangkan harga kawalan RM2.85 sepeket bagi berat satu kilo-

gram," katanya ketika ditemui selepas tamat operasi di sini kelmarin.

Tambahnya, barang runcit tersebut disediakan untuk pasaran lebih 50 pekerja asing warga Bangladesh yang menetap di asrama berhampiran resort ber-

kenaan.

Mengulas lanjut, Norena memberitahu, pihaknya kini sedang mengesam pembekal tidak bertanggungjawab yang terlibat dalam kegiatan tersebut untuk dikenakan tindakan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



NORENA

"Pembekal ini disyaki dari luar yang berdekatan negeri ini dan kita akan mengambil tindakan sekeras-kerasnya kepada mereka yang terlibat kerana kesalahan ini secara tidak langsung menjelaskan bekalan pasaran untuk rakyat tempatan."

"KPDN Melaka akan terus membongkar lokasi-lokasi yang menyala peraturan dan memastikan ketertiban tidak berlaku di negeri ini," tegasnya.

Terdahulu, dalam operasi itu kesemua barang kawalan tersebut turut disita mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.



MOGAN menunjukkan baju jenama tiruan yang dijual menerusi siaran langsung di platform media sosial pada serbuan di sebuah flat di Air Itam, Georgetown.

Oleh Siti Aminah
 Mohd Yusof
 am@hmetro.com.my

Georgetown

Menyewa rumah kos rendah RM500 sebulan untuk dijadikan stor simpanan barang, namun pendapatan diperoleh mencecah RM1,000 sehari.

Begitu kegiatan seorang lelaki berusia 27 tahun yang mampu menjana pendapatan lumayan apabila menjual pakaian berjenama terkenal tiruan menerusi siaran langsung di platform media sosial.

Bagaimanapun, aktiviti lelaki itu terbongkar apabila anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) melakukan serbuan di Air Itam di sini, jam 3 petang kelmarin.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDN Pulau Pinang, A. Mogan berkata, serbuan mendapati lelaki terbabit

Kaut untung RM1k sehari!

KPDN Pulau Pinang sita 5,050 pakaian tiruan bernilai RM40,400 dijual di media sosial

menjadikan sebuah unit flat Projek Perumahan Awam (PPR) sebagai tempat simpanan pakaian jalannya dengan bayaran sewa RM500 sebulan.

Menurutnya, pemeriksaan menemukan pakaian menggunakan cap dagangan berdaftar pelbagai jenama ternama disyaki palsu yang memenuhi segenap ruangan hingga hampir mencecah siling di flat yang terletak di aras

bawah itu.

"Pihak kami menyita 5,050 helai pakaian menggunakan cap dagangan jenama berkenaan untuk siasatan lanjut yang dianggarkan bernilai RM40,400.

"Serbuan itu dijalankan selepas kami menerima aduan daripada pemilik wakil cap dagang pakaian terbabit," katanya.

Mogan berkata, berdasarkan siasatan awal, lelaki itu mendakwa menyimpan

stok pakaian yang diperoleh daripada pembekal di Kuala Lumpur sejak 2020.

Menurutnya, lelaki itu mendakwa dia mula menjual barang terbabit termasuk secara langsung menerusi platform media sosial pertengahan tahun lalu.

"Kami tidak menolak kemungkinan baju yang dijual pada harga serendah RM8 itu akan dipasarkan secara meluas menjelang Tahun Baharu Cina akan datang.

"Kes disiasat mengikut Akta Cap Dagangan 2019," katanya.

"Lelaki itu menjual pakaian berjenama terkenal tiruan menerusi siaran langsung di platform media sosial"

KPDN serbu kedai runcit ala perkampungan Bangladesh

ALOR GAJAH - Intipan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) berjaya membongkar sebuah 'kedai runcit rimba' di syaki menjual barang kawalan tanpa lesen di daerah ini.

Premis umpama perkampungan Bangladesh itu dipercayai wujud sejak lebih lima tahun lalu termasuk memiliki ternakan ayam dan itik.

Pengarah KPDN Melaka, Norena Jaafar berkata, sebaik menerima aduan di media sosial, pihaknya melakukan

risikan sebelum mendapat premis diuruskan individu warga Bangladesh berusia 36 tahun.

"Dia didapati menjual barang kawalan seperti gula, minyak masak, tepung gandum dan gas petroleum cecair (LPG) tanpa lesen dan permit sah," katanya.

Katanya, soal siasat dilakukan terhadap individu terbabit mengaku menjual minyak masak peket satu kilogram (kg) dengan harga RM5 selain tepung gandum dengan harga lebih tinggi iaitu RM3.50 berbanding harga pasaran

RM2.85 sekilogram.

"Betul kedai ini menjual barang kawalan dan tindakan menyita dikenakan selain disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961."

"Individu ini juga mendakwa memperoleh bekalan menggunakan perkhidmatan e-hailing," katanya.

Jelas Norena, semakan mendapati pembekal barang kawalan adalah dari luar Melaka dan barang dijual kepada pekerja warga asing yang menetap di rumah kongsi berkenaan.

Utamakan warga tempatan beli minyak masak peket

Pembelian perlu dikawal bagi memastikan bekalan cukup untuk rakyat

Oleh FARHANA ABD KADIR
SHAH ALAM

Pembelian minyak peket subsidi perlu diberi keutamaan kepada warga tempatan terutama golongan B40 dan M40 yang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.

Bendahari Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata,

walaupun kerajaan tidak mewajibkan warga asing daripada mendapatkan barang asas tersebut, namun ia perlu dikawal bagi memastikan bekalan cukup untuk rakyat tempatan.

Menurutnya, kerajaan masih belum mempunyai mekanisme tertentu sehingga mengakibatkan warga asing turut mendapat kuota pembelian yang sama.

"Keadaan pasaran terbuka di negara ini menyebabkan semua pihak boleh membeli minyak masak peket tanpa perlu menunjukkan kad pengenalan atau sebarang dokumen menyebabkan tiada sekatan ke atas individu," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali pada Selasa berkata, tiada larangan untuk warga asing membeli minyak masak peket bersubsidi tetapi mereka tertakluk kepada had pembelian sama seperti rakyat Malaysia.

Beliau berkata demikian ketika mengulas sekiranya terdapat larangan dikenakan terhadap warga asing yang membeli minyak masak bersubsidi susulan penularan video memaparkan warga asing



NUR ASYIKIN

membeli barang tersebut.

Mengulas lanjut, menurut Nur Asyikin, tidak dinafikan warga asing juga turut terkesan dengan peningkatan kos sara hidup, namun kerajaan perlu memikirkan kaedah terbaik bagi menangani masalah tersebut.

Jelasnya, isu pembelian minyak masak bersubsidi melebihlihat had bukan hanya berlaku dalam kalangan warga asing, malah terdapat sebahagian besar rakyat tempatan menggunakan kesempatan sedia ada untuk 'membolot' bekalan tersebut.

Tambah beliau, rakyat Malaysia mahupun warga asing akan memanipulasi keadaan untuk membeli barang komoditi itu melebihlihat kuota yang ditetapkan.

"Isu pembelian ini kadangkala bukan hanya dimanipulasi oleh rakyat kita sahaja, bahkan warga asing juga. Jadi tidak adil kita hanya menyalahkan satu pihak."

"Saya faham warga asing turut terkesan dengan tekanan kos sara hidup di negara ini tetapi kita perlu tegas supaya tiada mana-mana pihak mengambil kesempatan untuk membeli melebihlihat kuota," ujarnya.

REAKSI

“

Saya tidak bersetuju dengan kenyataan kerajaan kerana jika ia terus diseluruhkan kepada warga asing, ia akan melambatkan proses pembangunan kemiskinan dalam negara."

- Pelajar, Leong Hymn, 23



“

Kerajaan perlu mengawal pemberian minyak masak subsidi kepada rakyat asing kerana mereka yang bekerja dengan syarikat jualan mempunyai akses mudah untuk mendapatkan barang tersebut berbanding rakyat tempatan."

- Pekerja swasta, Abiraamy Manogaran, 28



“

Pemberian subsidi kepada warga tempatan terutama belia yang baru sahaja memulakan kehidupan adalah satu keperluan utama dan kerajaan perlu menilai semula perkara ini secara lebih baik."

- Pelajar, Yusof Hassan, 27



Laporan
*Sinar
Harian*
pada
Selasa.

Tiada larangan warga asing beli minyak peket



Menurut lembaga berita, "Tiada larangan warga asing beli minyak peket"



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

**SEKSYEN
TRIBUNAL TUNTUTAN
PENGGUNA MALAYSIA**

SEMUA mangsa yang terpedaya dengan jualan minyak wangi selebriti terkenal diminta segera membuat aduan kepada TPM. – GAMBAR HIASAN

Selebriti terkenal 'scam' pelanggan

DARI MUKA 1

Ramai pembeli meluahkan rasa kecewa di pelbagai platform media sosial kerana mendakwa ditipu selebriti terbabit apabila minyak wangi yang ditempat tidak diterima mereka, malah hadiah yang dijanjikannya sekadar tarian sahaja.

Ada juga pembeli yang menerima produk wangian itu, namun barang yang dihantar pula tidak seperti yang dibeli selain diterima dalam keadaan rosak.

Ketika dihubungi Kosmo!, sumber Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) mengesahkan telah menerima aduan berkaitan jenama minyak wangi selebriti terkenal itu sejak 2021 dan laporan terus diterima sehingga tahun ini.

Sumber memberitahu, ra-

tusan mangsa dipercayai telah diperdaya dalam pembelian minyak wangi itu, tetapi tidak membuat tindakan sepatahnya serta melaporkan jumlah kerugian yang dialami.

"Kami telah meminta pengadu terbabit supaya membuat aduan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TPM) untuk tin-dakan lanjut."

"TPM mempunyai kuasa untuk menggarahkan individu terbabit membayar ganti rugi sekiranya terbukti bersalah," katanya.

Sementara itu, seorang pembeli yang ingin dikenali sebagai Zulkifli, 49, berkata, dia telah membeli minyak wangi berkenaan pada November tahun lalu selepas tertarik dengan promosi yang dilakukan selebriti tersebut.

"Saya beli minyak wangi itu pada harga RM170 dan dikatakan bakal menerima hadiah lain berbentuk beg tangan, namun sehingga hari ini barang tersebut tidak diterima."

berbentuk beg tangan, namun sehingga hari ini barang tersebut tidak diterima.

"Apabila saya menghubungi admin jualan di WhatsApp, awalnya dia maklumkan akan berikan tracking number bungkusan, tetapi selepas itu terus hilang dan tidak respons," ujarnya.

Katanya, susulan itu dia telah membuat laporan kepada KPDN dan akan membuat laporan polis sekiranya perkara itu tidak diselesaikan sehingga hujung bulan ini.

Seorang lagi pembeli dikenali Lokman, 32, memberitahu, dia membeli minyak wangi itu pada 2022 dan admin jualan memberikan alasan telah kehabisan stok.

"Dia beritahu saya mereka terpaksa mengambil masa menunggu bekalan baharu sampai, tetapi sehingga hari ini saya tidak terima apa-apa minyak wangi biarpun telah membayar wang."

"Saya tertarik untuk membelinya selepas mendengar iklan produk itu di saluran media, jadi saya tidak mengesyaki ada sebuah barang unsur-unsur penipuan," katanya.

Bagi Harith, 27, pula, dia menerima barang daripada jena-

ma berkenaan, tetapi produk yang diberikan adalah berbeza daripada yang dipesanan.

"Saya tunggu sampai tiga bulan akhirnya minyak wangi tu sampai, namun bukan bau yang saya mahu, bau wangian lain."

"Walaupun dapat, tetapi saya rasa tertipu kerana yang diberikan produk lain tanpa persetujuan," ujarnya.

Tinjauan Kosmo! di media sosial pula mendapat ramai pembeli mendakwa pesanan mereka masih belum diterima meskipun telah dibeli dalam tempoh lima bulan.

Seorang pembeli turut berkongsi telah menerima produk dibeli, namun barang tersebut diterima dalam keadaan rosak.

"Kecewa, saya harap ada tin-dakan kepada penjual ini," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Pelanggaran akta penetapan harga

Leong Hup, Dindings fail rayuan

MyCC kenakan penalti RM415.5j kepada 5 syarikat pada 22 Disember



Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Leong Hup Feedmill Malaysia Sdn Bhd (LFM) dan Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd (DPDC) memfailkan rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mendenda kedua-dua syarikat itu bahu-baru ini.

MyCC sebelum ini mengenakan penalti kewangan terhadap kedua-dua syarikat itu di atas kesalan pelanggaran akta penetapan harga.

MyCC telah mengenakan penalti sebanyak RM157.47 juta ke atas LFM dan RM70.02 juta lagi ke atas DPDC.

Dalam makluman kepada Bursa Malaysia, Leong Hup International Bhd yang juga syarikat induk LFM berkata, pihaknya juga memohon penangguhan keputusan MyCC itu sementara menunggu rayuan.

Malayan Flour Mills Bhd (MFM) yang memiliki 51 peratus kepentingan dalam syarikat usaha sama DPDC turut mengumumkan perkara yang sama dalam pemfailan berasingan kepada Bursa Malaysia.

MyCC pada 22 Disember 2023 mengenakan penalti bernilai RM415.5 juta kepada lima syarikat pengeluar makanan haiwan ternakan selepas didapati bersalah menetap dan menyeragamkan secara bersama harga produk mereka, bagi ayam untuk pasaran tempatan.

Selain LFM dan DPDC, syarikat lain yang dikenakan penalti itu adalah FFM Bhd (FFM); Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd (Gold Coin) dan PK Agro-Industrial Products (M) Sdn Bhd (PK Agro).

Kuasai 40 peratus pasaran

Lima daripada 29 syarikat pengeluar makanan haiwan ternakan di seluruh negara itu dianggarkan

menguasai sehingga 40 peratus pasaran makanan ternakan ayam di negara ini.

MyCC dalam keputusannya menjelaskan, mereka didapati melanggar Seksyen 4(1) Akta Persaingan 2010 kerana membuat perjanjian mendatar atau menegak dilarang antara perusahaan dengan matlamat atau kesan menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan secara signifikan dalam apa-apa pasaran barang atau perkhidmatan.

Kelima-lima perusahaan itu didapati bersalah kerana berpakat menaikkan harga makanan ternakan ayam menerusi beberapa platform, termasuk hubung kait rekad komunikasi bersama pengurusan tertinggi, nota mesyuarat dan ketertangan saksi, di antara Januari 2020 hingga Jun 2022.

Selain penalti sebanyak RM157.47 juta ke atas LFM dan RM70.02 juta lagi ke atas DPDC, tiga lagi syarikat iaitu masing-masing

FFM dikenakan penalti bernilai RM42.69 juta; Gold Coin (RM97.51 juta); dan PK Agro (RM47.8 juta).

"Bukti kenaikan kuantum harga makanan ayam yang serupa antara perusahaan terbabit dikenal pasti antara Januari 2020 hingga Jun 2022, selain mereka didapati menggunakan strategi menyatakan kenaikan kos disebabkan peningkatan perbelanjaan bahan mentah," demikian menurut MyCC.

Susulan pengumuman itu, Leong Hup mengesahkan pendiriannya bahawa LFM tidak terbabit dalam dakwaan amalan penetapan harga, dengan menyatakan bahawa penemuan MyCC adalah tanpa merit.

MFM kemudiannya turut mengumumkan pendirian serupa dalam pemfailan berasingan pada 26 Disember, menafikan bahawa DPDC terbabit dalam dakwaan amalan kartel itu.

PRICE-FIXING ALLEGATION

MFM, LEONG HUP FILE APPEAL

Companies say they are looking at legal options, maintain that MyCC's finding lacks merit

S. BIRRUNTHA
KUALA LUMPUR
bt@nst.com.my

MALAYAN Flour Mills Bhd (MFM) and Leong Hup International Bhd have filed a Notice of Appeal with the Competition Appeal Tribunal following the Malaysia Competition Commission's (MyCC) decision on price-fixing infringement.

According to a filing to Bursa Malaysia yesterday, both companies also applied for a stay of the decision pending the appeal.

MyCC imposed a RM70.02 million penalty on MFM and its joint-venture company, Dindings Poultry Development Centre Sdn Bhd, and a RM157.47 million penalty on Leong Hup's wholly owned subsidiary, Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd, for alleged price-fixing.



Five poultry feed manufacturers were fined RM415.5 million for allegedly forming a price-fixing cartel for poultry feed. FILE PIC

MFM and Leong Hup, after consulting with external legal counsel, argued that the commission's finding of infringement was without merit.

The companies said they maintained a strong position and were prepared to take action to appeal

against the decision.

Last month, MyCC imposed a RM415.5 million penalty on five poultry feed manufacturers, including Leong Hup Feedmill (M) Sdn Bhd, FFM Bhd, Gold Coin Feedmills (M) Sdn Bhd, Dindings Poultry Development Centre Sdn

Bhd and PK Agro-Industri Products (M) Sdn Bhd, for allegedly forming a price-fixing cartel for poultry feed.

The companies were evaluating their legal options and maintained that the commission's decision lacked merit.

Kartel beras: Tiada siasatan, tidak terima laporan - MyCC

SHAH ALAM - Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) tidak menjalankan sebarang siasatan terhadap mana-mana pemain industri berkaitan padi dan beras, susulan dakwaan wujud kartel yang menentukan harga dalam pasaran.

Suruhanjaya itu menegaskan, pihaknya masih belum menerima sebarang maklumat daripada Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

"Bagaimanapun, kami akan mengadakan pertemuan dengan KPB pada 19 Januari ini.

"MyCC juga telah maklumkan kepada KPB mengenai kesediaan kami untuk memahami dan membincangkan isu-isu berkaitan industri padi serta beras supaya dapat memberi input berkaitan sebarang keimbangan persaingan," katanya menerusi kenyataan pada Rabu.

Sebelum ini KPKM dilapor menafikan dakwaan kewujudan kartel atau 'mafia' yang menentukan harga padi, beras dan benih padi di negara ini.

Kementerian itu menjelaskan, industri padi dan beras negara dikawalselia oleh KPB melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

MyCC: Belum ada siasatan kes industri padi, beras

PETALING JAYA: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sejak ini tidak memulakan sebarang siasatan terhadap mana-mana pihak dalam industri padi dan beras.

MyCC dalam kenyataannya berkata, pihaknya masih belum menerima sebarang maklumat daripada mana-mana pihak

khususnya Pejabat Pemantauan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan (KPKM).

"MyCC sentiasa bersedia untuk membincangkan isu-isu berkaitan padi dan beras supaya dapat memberikan input berkaitan sebarang keimbangan persaingan, jika ada," je-

lasnya di sini semalam.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan bahagian Pengawalan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 19 Januari ini bagi menyiасat segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekani nasib pesawahan.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh MyCC itu semalam adalah berhubung dengan laporan *Utusan Malaysia* mengenai Bahagian Pengawalan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat pada 19 Januari ini bagi menyiасat isu berkaitan dakwaan wujudnya kartel padi.

Ketua Pengarahnya, Datuk

Azman Mahmood berkata, sekiranya didapati ada pemegang lesen berkaitan padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah.

Katanya, pemegang lesen pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.

Kartel beras: Pesawah harap bukan sekadar 'wayang'

KANGAR: Pesawah meminta kerajaan menyiasat secara lebih serius dan mengambil tindakan sewajar terhadap kartel atau 'mafia' padi bukan sekadar memberi 'janji kosong' untuk menutup isu dibangkitkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, kewujudan kartel dalam kalangan syarikat atau kilang-kilang besar ini sudah terlalu lama dan menekan pesawah khususnya setiap kali musim menanam dan menuai padi.

Katanya, sebarang siasatan terhadap kartel terbabit perlu dijalankan secara telus dan bukan sekadar 'wayang' apabila setiap kali isu berkaitan kartel dibangkitkan.

"Meskipun tampak sukar memandangkan kartel-kartel ini terlalu kebanum penguat kuasaar secara lebih tegas perlu dilakukan bagi membela nasib para pesawah.

"Siasat betul-betul, jangan siasat kemudian berhenti dan apabila kembali musim menuai, kembali siasat apabila isu itu (kartel) dibangkitkan. Banteras secara habis-habisan kartel-kartel ini yang memonopoli sektor padi ini khususnya berkaitan harga, benih dan sebagainya," katanya.

Kelmarin *Utusan Malaysia* melaporkan, Bahagian Pengawalan Padi dan Beras akan mengadakan mesyuarat dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) pada 19 Januari ini bagi menyiasat segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekan nasib pesawah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood berkata, jika didapati ada pemegang lesen padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan, mereka akan dikompaun atau didakwa di mahkamah.

Kata beliau, bagi pemegang lesen padi benih pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.

HARI: **KHAMIS**

TARIKH: **11/1/2024**

M/SURAT: **11**

PROSES VERIFIKASI RTK 2.0 TAMAT 31 MAC

Rekod 1.1 juta pekerja asing

Shah Alam: Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia akan menamatkan proses verifikasi bagi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja 2.0 (RTK 2.0) pada 31 Mac depan.

Menyatakan di sini, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pendaftaran bagi RTK2.0 ditutup pada 31 Disember tahun lalu dengan 1.1 juta pendaftaran pekerja asing direkodkan.

"Selaras proses pendaftaran ditutup, majikan perlu melakukan proses verifikasi dengan hadir ke pejabat Imigresen bersama pekerja yang didaftarkan selepas diberikan notifikasi oleh Jabatan Imigresen."

"Menerusi proses verifikasi ini, Jabatan Imigresen akan melihat jika majikan itu adalah yang sah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan pekerja itu (yang di-daftarkan) adalah be-

tul-betul wujud justeru mereka perlu datang secara fizikal.

"Proses notifikasi yang sudah kita buat kepada majikan bagi proses verifikasi akan tamat pada 31 Mac ini, kegagalan majikan untuk datang bersama pekerja selepas tarikh berkenaan tidak akan dilayan," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan kerja di Jabatan Imigresen Selangor di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata, majikan yang gagal melakukan proses verifikasi pekerja asing dan terus menggaji pekerja asing tanpa dokumen sah boleh dikenakan beberapa tindakan undang-undang seperti Seksyen 55B, Seksyen 55E dan Seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen

"Saya fikir munasabah selepas setahun proses pendaftaran, Jabatan Imigresen bertindak proaktif memberikan notifikasi"

1959/63.

"Saya fikir munasabah selepas setahun proses pendaftaran, Jabatan Imigresen bertindak proaktif memberikan notifikasi."

"Selepas 31 Mac (jika tiada verifikasi daripada majikan) bermaksud majikan tidak bermintat untuk menggaji pekerja asing berkenaan yang telah melakukan kesalahan sebelum itu," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini Malaysia mempunyai dua juta pekerja asing yang sah serta memegang pas lawatan kerja sementara dan menjelang 2025, Kementerian Ekonomi menterapkan 2.4 juta pekerja asing berdaftar.

Terdahulu, media mela-porkan satu mesyuarat antara KDN dan Kementerian



SAIFUDDIN Nasution (kiri) bertanya sesuatu kepada pekerja warga asing ketika lawatan kerja Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK 2.0) di Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Negeri Selangor, Kompleks PKNS, Shah Alam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Sumber Manusia (KSM) pada 16 Januari ini yang akan merangka formula dalam pengurusan pekerja asing yang lebih berkesan.

Saifuddin dilaporkan berkata, mesyuarat itu

akan mengemukakan dasar baharu kepada Jemaah Menteri supaya isu pekerja asing diuruskan dengan baik.

"Soal majikan bawa masuk pekerja tapi tiada pe-

kerjaan, tidak patuh undang-undang sedia ada, termasuk Akta Imigresen, Akta Pasport dan Akta Kerja akan menjadi tumpuan pada 16 Januari ini," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

| BERITA ONLINE BERTARIKH 11 JANUARI 2024 | | | |
|---|---------------------------------|---|------------------|
| TARIKH | TAJUK | PAUTAN | MEDIA |
| 11-Jan | KEDAI RUNCIT WARGA ASING | https://www.sinarharian.com.my/article/643605/berita/semasa/kpdn-serbu-kedai-runcit-perkampungan-bangladesh | SINAR HARIAN |
| 11-Jan | KEDAI RUNCIT WARGA ASING | https://www.kosmo.com.my/2024/01/10/kpdn-melaka-serbu-kedai-runcit-perkampungan-warga-asing/ | KOSMO |
| 11-Jan | KEDAI RUNCIT WARGA ASING | https://www.sinarharian.com.my/article/643605/berita/semasa/kpdn-serbu-kedai-runcit-perkampungan-bangladesh | SINAR HARIAN |
| 11-Jan | KEDAI RUNCIT WARGA ASING | https://malaysiaga-zette.com/2024/01/10/kedai-runcit-haram-perkampungan-bangladesh-diserbu/ | MALAYSIA GAZETTE |
| 11-Jan | MYSUBSIDI DIESEL DAN FLEET CARD | https://www.nst.com.my/news/nation/2024/01/999211/govt-test-diesel-subsidy-card-system-feb-1 | NEW SRAITS TIMES |
| 11-Jan | MILIKI DIESEL TANPA LESEN | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1049040/tidak-mengaku-miliki-diesel secara-haram | HARIAN METRO |
| 11-Jan | MILIKI DIESEL TANPA LESEN | https://www.sinarharian.com.my/article/643644/berita/semasa/pemandu-lori-didakwa-miliki-diesel-tanpa-leSEN | SINAR HARIAN |
| 11-Jan | MILIKI DIESEL TANPA LESEN | https://thesun.my/cerita/pemandu-lori-mengaku-tidak-bersalah-miliki-lebih-1000-liter-minyak-diesel-LP11967286 | THESUN |

| | | | |
|--------|--|---|-----------------|
| 11-Jan | MILIKI DIESEL TANPA LESEN | https://www.kosmo.com.my/2024/01/10/pemandu-lori-nafi-miliki-1511-liter-diesel-tanpa-lesen/ | KOSMO |
| 11-Jan | MILIKI DIESEL TANPA LESEN | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/pemandu-lori-didakwa-miliki-1511-liter-diesel-tanpa-lesen/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jan | LOGO HALAL TIDAK SAH | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/kilang-proses-cili-kisar-guna-logo-halal-tidak-sah-diserbu/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jan | SYARIKAT WARGA ASING | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1198347/pantau-syarikat-bawa-masuk-pekerja-elak-negara-tempat-lambakan-warga | BERITA HARIAN |
| 11-Jan | GAS PETROLEUM CECAIR | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/kpdn-perak-serbu-ladang-ayam-simpan-lpg-subsidi/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jan | GAS PETROLEUM CECAIR | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ladang-ayam-bakal-dikenakan-tindakan-simpan-lpg-tanpa-permit-453524?amp=1 | ASTRO AWANI |
| 11-Jan | SELARAS SUBSIDI YANG BERHAK | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/selaras-subsidi-untuk-yang-berhak-bukan-warga-asing-armizan/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jan | LOGO HALAL TIDAK SAH | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2261180 | BERNAMA |
| 11-Jan | LOGO HALAL TIDAK SAH | https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/01/1049164/cili-kisar-quna-logo-halal-tidak-sah | HARIAN METRO |
| 11-Jan | ADUAN PELANGGARAN INTEGRITI | https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/imigresen-rekod-jumlah-aduan-isu-integriti-tertinggi/ | UTUSAN MALAYSIA |
| 11-Jan | KENAIKAN HARGA MAKANAN DI KANTIN SEKOLAH | https://harakahdaily.net/index.php/2024/01/10/kpm-perlu-cakna-kenaikan-harga-makanan-di-kantin-sekolah/ | HARAKAH DAILY |